

25/08/1997

Anwar sokong PM tidak temui Soros

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyokong langkah Datuk Seri Dr Mahathir untuk tidak menemui George Soros ketika menghadiri Persidangan Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia di Hong Kong, bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tiada gunanya melayani kerendah ahli kewangan Yahudi Amerika, yang terbukti bertanggungjawab menimbulkan spekulasi mata wang di Malaysia, malah beberapa negara lain di rantau ini.

"Ada orang kata kenapa kita terlalu tegas. Saya kata, Soros memang terbabit dalam aktiviti spekulasi mata wang di seluruh dunia.

"Dia cari makan dengan spekulasi wang yang menjejaskan ekonomi negara. Jadi kita kena ada kepemimpinan berwibawa yang berani dan tegas, walaupun kadang-kadang tak popular," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Konvensyen sehari itu membincangkan dua kertas kerja iaitu 'Transformasi Masyarakat Melayu Bandar: Kesedaran dan Perubahan' oleh Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Shamsul Amri Baharuddin dan kertas kerja kedua, 'Cabaran Hartanah Melayu Kuala Lumpur Menjelang Abad ke 21' oleh Datuk Rahim Abd Rahman daripada Rahim and Co.

Turut hadir, Ketua Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Drs Suleiman Mohamed yang juga Timbalan Menteri Penerangan serta Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya.

Semalam, Dr Mahathir menolak permintaan spekulator kelahiran Hungary itu untuk menemuinya bagi membincangkan isu serangan spekulatif asing yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean termasuk ringgit.

Penolakan itu dibuat kira-kira tiga minggu selepas Soros melahirkan hasrat untuk mengadakan forum terbuka bagi membincangkan isu itu kerana didakwa menjadi dalang yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang di rantau ini.

Anwar berkata, keputusan Perdana Menteri adalah wajar kerana tiada gunanya melayani pandangan orang sedemikian.

Menurutnya, dalam Persidangan Tahunan IMF/Bank Dunia ada pemimpin negara lain yang meminta beliau membangkitkan isu seperti itu kerana mereka tidak berani melahirkannya.

"Mereka meminta saya menyuarakan pandangan itu dan tidak berani bersuara sendiri kerana negara mereka menanggung hutang dengan badan dunia berkenaan.

"Kita bebas menyuarakan apa juga yang kita rasa betul kerana tidak menanggung beban seperti yang dialami negara lain," katanya.

Menurut Anwar, keadaan politik negara yang kini stabil dan ekonomi mapan membolehkan pemimpin mengambil langkah berani dan tegas, walaupun kadang-kadang tidak popular.

Menyentuh undang-undang syariah, Anwar berkata tiada siapa yang boleh mempertikaikan hukum Islam itu, tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab pelaksanaannya hendaklah adil kepada semua orang.

Katanya, beberapa persoalan dibangkitkan mengenai peranan Mahkamah Syariah kerana beberapa kes menunjukkan ketidakadilan terhadap wanita seperti penangguhan kes dan menganggap kes pergaduhan rumah tangga sebagai remeh.

"Kita tidak boleh memandang ringan masalah seperti itu kerana ia boleh menjejaskan kerajaan dan hasrat untuk menegakkan keadilan.

"Begitu juga dengan hukum Hudud, ia tidak perlu dilaksanakan secara gopoh-gapah kerana hukum itu masih perlu dikaji berdasarkan keadaan negara yang berbilang kaum dan agama," katanya.

(END)